

**Mangsa Banjir Perlukan Sokongan Moral - Jamawi
Bernama
Jan 4, 2015**

KOTA BAHARU, 4 Jan (Bernama) -- Mangsa banjir di beberapa negeri seperti di Kelantan bukan sahaja memerlukan bantuan fizikal malah sokongan moral daripada rakyat di negara ini.

Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda Umno Jamawi Jaafar berkata sokongan moral itu bagi memulihkan kembali semangat mereka untuk meneruskan kehidupan selepas berhadapan dengan suasana getir selepas banjir besar berlaku baru-baru ini.

"Musibah banjir ini sudah pasti membuatkan mangsa trauma kerana kehilangan harta benda malah ada yang kehilangan tempat tinggal menyebabkan mereka berhadapan masalah untuk meneruskan kehidupan seharian.

"Sebab itu mereka juga memerlukan sokongan moral untuk menguatkan semangat mereka kembali," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Tenom berkata, banjir kali ini merupakan yang terburuk pernah berlaku dengan mangsa memerlukan masa, tenaga dan wang ringgit untuk meneruskan kehidupan terutamanya dalam membersihkan serta memperbaiki kediaman mereka yang musnah.

"Kita memerlukan lebih banyak badan bukan kerajaan dan sukarelawan turun padang membantu mereka selain daripada bantuan yang disalurkan oleh kerajaan," katanya.

Jamawi berkata kerajaan pusat komited membantu mangsa banjir di beberapa negeri yang terjejas itu dan tidak adil mana-mana pihak menuduh kerajaan lambat bertindak membantu mangsa.

"Komitmen yang dilakukan oleh kerajaan dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sememangnya tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak, selain menyediakan bantuan kepada mangsa banjir, kerajaan juga turut menyediakan tempat tinggal sementara kepada mangsa banjir yang kehilangan rumah, malahan Bantuan Rakyat 1Malaysia dan bantuan awal persekolahan dipercepatkan bertujuan untuk meringankan beban mangsa banjir," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097951>